

## **Keberkesanan Komunikasi Tidak Bersemuka dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dalam Tempoh Pendamik.**

NURUL JAMILAH ISMAIL RANI  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
jamilah@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat kesan pembelajaran atas talian dengan kaedah komunikasi tidak bersemuka dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Disebabkan oleh arahan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan bermula Mac 2020, kebanyakan institusi awam dan swasta termasuk sekolah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian bagi memastikan perjalanan pengajian pelajar tidak terganggu. Di KUIS pelajar perlu menggunakan pelbagai platform atas talian dalam memastikan kelangsungan semester pengajian seperti *Googleclassrom*, *Googlemeet*, *KLMS* dan *Microsoft 360*. Namun timbul beberapa isu di media sosial dan akhbar, wujud beberapa kelemahan dan kekurangan pembelajaran secara atas talian berbanding secara bersemuka. Menurut Menteri Kanan Pendidikan, Dr.Mohd Radzi Jidin, selain ia adalah satu proses yang baru, terdapat juga kekangan dari pihak pelajar yang tidak mempunyai akses internet yang maksimum berpunca dari faktor kewangan, status keluarga dan faktor demografi (2020). Cabaran-cabaran ini akan mempengaruhi emosi pelajar dan proses pembelajaran akan terganggu dan lebih terhad. Oleh itu pengkaji ingin melihat apakah kekurangan dan kesan daripada pembelajaran atas talian berbanding secara bersemuka. Oleh kerana pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor juga mengikuti proses pembelajaran atas talian, maka pengkaji ingin melihat tahap keberkesanan pengajian atas talian berbanding secara bersemuka di KUIS. Kajian ini juga ingin mendapat pandangan pelajar samada pembelajaran atas talian lebih menarik berbanding secara bersemuka. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pensyarah dalam memastikan cara atau kaedah pembelajaran yang sesuai dilaksanakan pada masa kini.

*Kata kunci: Komunikasi tidak bersemuka. Komunikasi atas talian*

### **PENGENALAN**

Situasi pandemik di Malaysia telah membuatkan kerajaan perlu melaksanakan Perintah Kawalam Pergerakan (PKP) dari Mac sehingga Jun 2020. Operasi pelbagai organisasi telah diarahkan tutup terutamanya bidang yang melibatkan interaksi antara pelbagai golongan masyarakat. Antara sektor yang turut diarahkan tutup adalah sektor pendidikan, IPTS, IPTA dan sekolah diarahkan untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian. Era norma baharu yang perlu diamalkan oleh semua rakyat Malaysia telah membawa kaedah pendidikan dan pengajaran berubah seratus peratus dari secara bersemuka kepada atas talian. Walaupun ada pelbagai kelebihan pembelajaran secara dalam talian contohnya pembelajaran dalam talian ini melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, namun tidak dapat dinafikan timbul beberapa kekangan dan halangan dalam memastikan proses pembelajaran secara atas talian lebih berkesan dan membantu pelajar dan pensyarah. Kemahiran ini memerlukan seseorang yang mampu

menentukan apa yang perlu dipelajari, mencari maklumat atau bahan untuk dipelajari, mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri dan berdikari, bermotivasi, serta boleh membuat refleksi terhadap pembelajarannya dengan melakukan pentaksiran sendiri atau cara yang lain.

Bermula Mac hingga Oktober, pengkaji telah melihat dan menganalisis media massa dari konteks yang pelbagai dalam mengenalpasti keberkesanan PdP secara bersemuka dan tidak bersemuka. Walaupun sektor-sektor lain telah menjalankan operasi seperti sedia kala, namun sektor pendidikan tidak dapat dilaksanakan dengan kaedah bersemuka secara sepenuhnya. Media massa memaparkan pelbagai respon dari pelajar, pengajar dan juga ibu bapa mengenai keberkesanan proses PdP atas talian ini. Pelbagai aplikasi telah digunakan bagi melancarkan proses pembelajaran antaranya ialah Google Classroom, Google Meet, Zoom dan Whatsapp diguna pakai secara maksimum dalam kalangan pelajar dan pensyarah. KUIS juga antara intitusi pengajian yang melaksanakan PdP dalam talian, terutamanya bagi pelajar yang berada di rumah, oleh kerana kerajaan hanya membenarkan pelajar semester satu, pelajar yang menggunakan makmal dan ada keperluan sahaja berada di kampus (Rosninawati, 2020).

Google Classroom menjadi antara aplikasi yang paling banyak digunapakai oleh pensyarah di KUIS, aplikasi ini memudahkan pensyarah memuatnaik nota dan tugas serta membuat kuliah secara selari. Terdapat pelbagai ciri yang diperbaharui oleh Google dalam memastikan sektor pendidikan sama ada pelajar dan pensyarah mengunapakai aplikasi Google Classroom secara semaksimum yang mungkin. Namun pensyarah perlu menjadi lebih kreatif dan efektif dalam memastikan pelajar aktif dalam menerima pembelajaran, selain perlu berkerja dari rumah, menjaga anak-anak, melakukan kerja rumah ia seolah menambah satu lagi kerja tambahan pensyarah. Pelajar turut menghadapi beberapa kekangan dalam PdP dalam talian, pensyarah juga perlu selari dengan kemajuan teknologi dan memastikan pelajar betul-betul mendapat ilmu dari kuliah yang dilaksanakan.

## **KAJIAN LEPAS**

Terdapat beberapa kekangan yang telah menjadikan komunikasi secara tidak bersemuka dalam kalangan pelajar dan pensyarah menjadi agak terganggu dan menjadi punca kepada ketidakberkesanan pembelajaran dalam talian atau secara tidak bersemuka. Kekangan yang paling utama ialah capaian internet pelajar mahupun pensyarah dan institusi sendiri. Kaedah pembelajaran yang sebelum ini sebagai satu pilihan telah menjadi keperluan membuatkan semua pihak tidak bersedia dari segala aspek terutama prasarana (Bernama, 2020). Faktor demografi akan mempengaruhi keberkesanan penyampaian mesej, ini adalah satu faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan komunikasi atas talian. Pelaksanaan kuliah waktu *real time* memerlukan capaian internet yang tinggi dalam memastikan audio dan video adalah jelas sewaktu PdP.

Capaian internet juga ada kaitan dengan faktor pendapatan kewangan keluarga pelajar, sesetengah pelajar tidak ada bilik sendiri dan kemudahan prabayar yang mencukupi untuk mengikuti kelas secara dalam talian setiap hari. Pelajar perlu menyusun jadual pembelajaran sendiri, mencari bahan pembelajaran selain yang diberikan oleh pensyarah, menyusun waktu perbincangan bagi tugas berkumpulan, menentukan tarikh tutup pecahan kerja-kerja tugas kumpulan supaya boleh dilengkapkan sebelum tarikh tutup tugas, serta membuat pelbagai keputusan yang memerlukan kemahiran penyelesaian masalah seperti masalah internet yang tidak stabil atau lemah, kawan kumpulan tugas yang tidak ada akses internet, laptop dan speaker bermasalah, dan sebagainya (Nor Hidayati, 2020).

Motivasi pelajar akan menurun apabila, prasana ini tidak mencukupi dan secara tak langsung akan mempengaruhi tahap penyertaan pelajar terutamanya kehadiran ke kuliah. Penyertaan kuliah yang terhad sudah tentunya akan mempengaruhi keberkesanan pembelajaran tidak bersemuka dan mempengaruhi tahap penguasaan pelajar dalam pelbagai subjek (Mohd

Radzi, 2020). Hubungan pelajar dan pensyarah juga terganggu kerana penyampaian mesej melalui komunikasi tidak bersemuka tidak mencapai tahap keberkesanan yang sepatutnya. Terutamanya penyampaian maklumat melalui whatsapp atau telegram, tidak cukup berkesan seperti komunikasi secara bersemuka di dalam kelas. Walaupun maklumbalas adalah segera namun penyampaian maklumat yang melibatkan pengajaran dan memerlukan penerangan jelas akan menimbulkan kekeliruan antara pelajar dan salah faham terhadap arahan pensyarah. Hanya sebahagian pelajar menerima pembelajaran melalui whatsapp atau telegram itu lebih berkesan berbanding secara bersemuka (Syed Lamsah, 2017).

Masalah emosi sewaktu tempoh PKP juga menjadi satu isu yang hangat diperkatakan dalam mana-mana media. Hampir semua saluran media ada memaparkan kesan utama PKP ini ialah emosi yang melibatkan semua individu yang ada di dalam rumah, terutamanya pelajar, pensyarah dan juga ibu bapa. Ini juga dilihat faktor utama yang mempengaruhi ketidakkeberkesanan PdP dalam talian sewaktu pandemik. Kementerian Kesihatan Malaysia menerima hampir 8000 panggilan daripada masyarakat, dan dari jumlah tersebut 46.8% melibatkan masalah kesihatan mental atau emosi (Hasimi, 2020). Jika dilihat dari kajian lepas, emosi memberi satu perkaitan yang positif dalam proses pembelajaran pelajar. Bukan sahaja pelajar, malah pensyarah yang berada di rumah bukan sahaja perlu memfokuskan kepada anak-anak namun komitmen kerja juga tidak boleh diabaikan.

## **KAEDAH KAJIAN**

Pengkaji menganalisis tema pembelajaran atas talian melalui pelbagai media baharu, ini kerana hampir setiap media mengeluarkan artikel yang berkaitan pembelajaran atas talian dalam tempoh pandemik. Selain itu beberapa jurnal dalam lima tahun terkebelakang banyak mengkaji keberkesanan PdP secara bersemuka dan tidak bersemuka. Terdapat juga ahli pendidikan yang sering membuka minda pelajar dan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan bukan sahaja tertakluk pada satu cara sahaja namun tidak menafikan kepentingan pembelajaran secara bersemuka lebih berkesan. Selain daripada itu daripada pemerhatian turut dibuat melalui keberkesanan penggunaan Google Classroom dalam pelaksanaan PdP dalam talian.

## **ANALISIS KAJIAN**

Pelbagai saluran media di Malaysia memaparkan isu-isu berkaitan kekangan dan masalah yang dihadapi pelajar sewaktu pembelajaran dalam talian. Melalui saluran televisyen ada beberapa bual bicara yang memaparkan perbincangan mengenai pembelajaran di atas talian contohnya Alhijrah dalam program bual bicara Assalamualaikum dengan tajuk Cabaran E-pembelajaran. Bernama Tv ada menyiarkan laporan khas, Akses Internet terhad antara cabaran belajar, mengajar dalam talian. Astro Awani, dengan tajuk, mengajar dalam talian tidak boleh sama seperti di dalam kelas, Pembelajaran dalam talian tiada masalah, tetapi aktiviti pelajar?. Ini menunjukkan PdP dalam talian memberi kesan yang pelbagai dalam tempoh pandemik ini. Selain hanya belajar dan mengajar, pelajar dan pensyarah terpaksa memikirkan pelbagai aspek lain dalam memastikan keberkesanan PdP dalam talian.

Analisis kandungan terhadap Dr. Putri Afzan Maria, Pengasas Sekolah Sri Aria juga mendapati sewaktu PKP beliau kerap menekankan pentingnya emosi anak-anak dalam menuntut ilmu sewaktu PKP dilaksanakan. Bukan sahaja di peringkat umur kanak-kanak malah emosi pelajar universiti juga akan terganggu jika kekangan pembelajaran atas talian tidak dapat diatasi. Beliau berpendapat, cara menuntut ilmu bukan hanya satu cara sahaja, tidak semestinya pelajar dibebani dengan kerja rumah dan tugas yang banyak. Fokus sewaktu kuliah berlangsung adalah yang lebih diutamakan yang mana, pensyarah perlu mengambilkira atau bersifat empati dengan keadaan dan situasi pelajar sewaktu tempoh pembelajaran. Sehingga ke

hari ini, beliau turut menggesa pendidik untuk memahami cara pemikiran pelajar, emosi pelajar di rumah, penyertaan ibu bapa pelajar dan komitmen pelajar adalah berbeza mengikut sikap sendiri individu itu sendiri.

Hasil pebelajaran melalui Google Classroom dilihat banyak memudahkan pelajar dan pensyarah, namun setelah tamat satu semester di KUIS yang menggunakan PdP atas talian, pengkaji mendapati bahawa daripada tiga kursus yang diajar, pelajar sukar memberi kerjasama dan berinteraksi sepenuhnya sewaktu kuliah dijalankan. Kekangan seperti capaian internet di KUIS dan internet pelajar juga mempengaruhi komitmen pelajar sewaktu menghantar tugas dan menghantar ujian mengikut tempoh yang ditetapkan. Pensyarah perlu mengingatkan pelajar berulang kali untuk menghantar tugas mengikut tarikh yang sepatutnya. Hasil kerja pelajar juga didapati mempunyai kadar peratusan plagiat yang tinggi, iaitu hampir 70 % untuk satu tugas, ini mempengaruhi prestasi dan markah pelajar itu sendiri.

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Pengkaji turut mendapati bahawa, sistem pendidikan di sekolah turut terganggu, di atas faktor kekangan yang telah dinyatakan sebelum ini, iaitu capaian internet, kemudahan prasarana dan faktor demografi pelajar (Habibah, 2020). Pendidikan lebih berkesan jika para guru dan pensyarah boleh membantu pelajar secara bersemuka dan secara terus. Pembahagian tugas kepada pelajar adalah lebih jelas dan berkesan sewaktu konsultasi dengan pensyarah. Penggunaan telegram atau whatsapp tidak dapat memberikan fahaman sepenuhnya kepada pelajar dan pensyarah perlu memberi penjelasan berulang kali kepada pelajar yang berbeza untuk memastikan semua pelajar faham dan dapat menghasilkan tugas yang terbaik. Hasil semakan tugas juga mendapati walaupun tugas yang diberikan ringkas dan mudah, namun ada di antara pelajar yang tidak dapat menyerahkan tugas dalam tempoh yang sepatutnya, meniru dari kawan-kawan dan juga hasil tugas hampir sama, hasil dari maklumat Google atau ejen carian yang tersedia.

Dalam tempoh PKP di sambung semula oleh kerana COVID 19 berada di gelombang ke 3, dapat dilihat disini situasi yang sama akan berulang untuk kemasukan semester seterusnya di KUIS. Para pensyarah dan KUIS perlu menilai semula keberkesanan PdP yang dijalankan, terutamanya dalam memastikan kemudahan prasarana di KUIS telah ditambahbaik, pensyarah juga mencari alternatif lain dalam memastikan pelajar dapat memberikan komitmen yang sepenuhnya sewaktu PdP berlangsung. Kajian akan datang pengkaji ingin melihat keberkesanan PdP teradun dalam kalangan pelajar KUIS bagi mencari titik pertemuan kepentingan kemajuan pendidikan berteknologi dan keberhasilan graduan berkualiti tinggi yang mampu berdaya saing dan berpendidikan sepanjang hayat.

## **Bibliografi**

Azman Ismail, Nor'ain Abdullah, Najihah Omar. (2016). Amalan Komunikasi Mentor Membangunkan Keyakinan Diri Menti (Mentor's Communication Practice Enhancing Mentee's Self- Efficacy). *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 49-57.

Ehwan Ngadi. (2020). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. *E-Risalah USIM*.

Habibah Abdul Rahim. (2020). <https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/pembelajaran-bersemuka-lebih-berkesan-berbanding-secara-online-dr-habibah-1.934970>. Dicapai pada Ogos 2020.

Mohd Radzi Jidin. (2020). Belajar dalam talian kurang berkesan berbanding bersemuka. *Metro TV*. Diambil Julai 2020 daripada <https://www.hmetro.com.my/akademia/>

Nor Hidayati Mokhtar (2020). Pembelajaran atas talian untuk pembelejaran sepanjang hayat. Newshub UTM.

Phatin Aliah Phang (2020). <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>. Dicapai pada 12 Jun 2020.

Rosninawati Husin. (2020). <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu/>. Dicapai pada 12 Jun 2020.

Syed Lamsah Syed Chear. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42. In Press (Pratatapan).